

## **KAJIAN TINJAUAN : BULI SIBER DI KALANGAN MAHASISWA UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

<sup>a</sup>Dr. Wan Hassan Bin Wan Embong

<sup>b</sup>Zulaili Binti Yaakob

<sup>b</sup>Zetty Heriza Binti Rohani

<sup>b</sup>Mardhiyana Binti Abidin

<sup>c</sup>Farisah Binti Ibrahim

<sup>a</sup>Fakulti Tamadun Islam

<sup>b</sup>Fakulti Pendidikan

<sup>c</sup>Fakulti Geoinformasi dan Hartanah

Universiti Teknologi Malaysia

### **ABSTRAK**

*Kajian ini bertujuan untuk meninjau tentang kegiatan buli siber dalam kalangan mahasiswa tahun empat yang akan menamatkan pengajian dan bakal berhadapan dengan dengan remaja di sekolah. Skop kajian tinjauan yang dikaji antaranya ialah mengenalpasti medium buli siber yang popular digunakan, hubungan antara pengalaman buli siber dan emosi mahasiswa, serta mendapatkan perbandingan jantina dengan penglibatan peribadi dalam buli siber dalam kalangan mahasiswa tahun empat. Kajian ini dianggap penting kerana ia dapat memberi maklumat kepada pelajar dan pihak universiti dalam usaha mengawal dan memberi kesedaran terhadap gejala buli siber ini. Pendekatan kuantitatif melalui kaedah kajian tinjauan telah digunakan dalam kajian ini. Seramai 106 orang responden mahasiswa tahun akhir Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia telah terlibat dalam kajian ini. Data kajian diperolehi menggunakan instrumen soal selidik yang mengandungi 30 item. Kebolehpercayaan soal selidik ini telah diuji dengan menggunakan Alpha Cronbach dan ianya boleh diterima dan digunakan. Data-data mentah yang diperolehi seterusnya dianalisis menggunakan perisian Statistikal Package for Sosial Science (SPSS) versi 16.0. Hasil analisis kajian dinyatakan dalam bentuk deskriptif menggunakan kekerapan, dan korelasi perbandingan. Dapatan kajian mendapati medium yang paling popular adalah "Facebook" dan tiada nilai signifikan bagi perbandingan jantina antara responden kajian lelaki dan perempuan.*

## PENGENALAN

Perkembangan penggunaan internet semakin meningkat sejak beberapa dekad yang lalu. Ini kerana internet dapat membantu pengguna komputer dan telefon pintar untuk mendapat pelbagai maklumat yang diperlukan. Internet boleh didefinisikan sebagai rangkaian komputer antarabangsa yang membolehkan pengguna komputer di seluruh dunia berhubung antara satu sama lain dan dapat mencapai maklumat di pangkalan data dari seluruh dunia (Dewan Bahasa dan Pustaka, Edisi Ke Empat). Melalui internet pengguna dapat berhubung dan mengenali antara satu sama lain melalui media sosial seperti *Facebook*, *Twitter*, *Myspace* dan lain-lain media sosial. Menurut McKenna & Barge (1999), internet dan telefon mudah alih merupakan maklumat teknologi baru yang dapat menyediakan beberapa manfaat seperti komunikasi yang lebih baik, memberi pendedahan informasi individu (*self-discloser*) yang lebih mendalam dan dapat mewujudkan hubungan sosial antara individu dan masyarakat luar (Henderson & Meluncur, 2004). Daripada kajian statistik mendapati Malaysia mempunyai 34 juta pelanggan mudah alih dan 17.7 juta pengguna internet. Dan pada Julai 2013, sebanyak 13.3 juta pengguna facebook di Malaysia, (Malaysia-Sosial-Media-Statistiks, 2013).

Namun, penggunaan media sosial ini kerap disalahgunakan oleh pengguna internet terutamanya golongan muda. Ybarra & Mitchell (2004) mendapati golongan remaja menunjukkan tingkah laku yang agresif di alam siber. Mereka berpendapat melalui alam siber tindakan agresif boleh dilakukan kerana dianggap sebagai ruang yang selamat untuk membalas dendam dengan menggunakan nama palsu di laman sosial (King, Walpole, & Lamon, 2007). Ia turut disokong oleh Kowalski & Limber (2007), yang menyatakan bahawa laman sosial, telefon mudah alih dan teknologi lain digunakan untuk mengugut seseorang dengan menggunakan nama yang direka untuk menyebarkan khabar angin, menghantar mesej atau video yang memalukan, menabur fitnah dan lain-lain. Aktiviti yang negatif ini di gelar sebagai buli siber (*cyber bully*). Ia boleh di definisikan sebagai penggunaan dengan niat, pengulangan maklumat, publisiti maklumat yang dihantar, ketidaktahuan tentang pembuli dan teknologi maklumat yang berbahaya (Ibrahim, 2010). Buli siber termasuk menggunakan ayat yang mengeji, mengancam, klik gambar tanpa kebenaran melalui telefon mudah alih, penyiaran gambar tanpa kebenaran, memeras ugut melalui laman perbualan (*chatting*), dan penyiaran gambar lucu atau maklumat

peribadi di internet yang disebar (Willard, 2007). Secara ringkasnya, buli siber merujuk kepada tingkah laku orang yang dasarnya dengan niat untuk merosakkan individu lain dari segi psikologi dengan menggunakan alat-alat elektronik (Li, 2006), dan penggunaan teknologi maklumat untuk komunikasi seperti emel, telefon bimbit, alat kelui teks mesej, mesej segera (*Whatsapp, Line, Wechat* dan lain-lain) serta laman web peribadi yang mana ia digunakan untuk menyebarkan fitnah secara berulang-ulang (Belsey dalam S. Healy and F. Lynch, 2013)

Kejadian buli siber ini berlaku dengan adanya laman sosial melalui internet dan ledakan teknologi. Menurut Che Maznizah (2014), buli siber merupakan satu gejala buli yang baru muncul setelah berlakunya perkembangan teknologi komunikasi pada hari ini. Ibrahim (2010), turut berpendapat bahawa ketagihan internet oleh kemajuan teknologi merupakan sebab-sebab yang paling penting bagi penyebaran buli siber khususnya pelajar sekolah, universiti dan anak-anak muda yang kurang mempunyai interaksi dan komunikasi sosial.

## LATAR BELAKANG MASALAH

Buli siber merupakan satu fenomena baru yang semakin menular di luar negara selaras dengan kemajuan teknologi masa kini. Peristiwa yang mendapat perhatian disebabkan jenayah buli siber antaranya ialah kes Amanda Todd dan Tyler Clementi yang memilih untuk membunuh diri disebabkan tekanan perasaan (Six Unforgettable CyberBullying Cases, 2014). Ia cukup membuktikan bahawa jenayah buli siber boleh membawa kesan yang amat buruk kepada mangsa buli terutamanya golongan remaja dan persepsi masyarakat kepada individu yang terlibat.

Oleh yang demikian, satu kajian yang dilakukan oleh CyberSecurity Malaysia dan Kementerian Pelajaran Malaysia mendapati pada tahun 2013 mendapati 13 peratus responden daripada 9651 pelajar dari 459 sekolah rendah dan menengah di seluruh Malaysia mengaku sedang menjadi mangsa buli siber manakala 26 peratus responden pernah mengalami situasi buli siber (Cybersecurity Malaysia, 2014). Selain itu, hasil laporan Cyber999 (2014) turut mendapati 250 aduan dicatatkan pada tahun 2012 dan ia meningkat sebanyak 389 aduan pada tahun 2013 iaitu peningkatan sebanyak 55.6 peratus. Malahan sehingga November 2014 ia meningkat sebanyak 516 aduan yang dilaporkan. Melalui hasil laporan statistik yang dibuat oleh Kumpulan Tindakan Kecemasan Komputer Malaysia (MyCERT), ia dapat menunjukkan bahawa aktiviti buli siber di media sosial merupakan medium yang semakin popular untuk melakukan aktiviti jenayah buli selain pempulian secara tradisional. Shariff (2008) mengatakan bahawa buli siber merupakan satu perkara lanjutan dari pempulian tradisional yang tidak berkaitan dengan tanggungjawab sekolah sebab ianya secara am hanya melibatkan komputer peribadi dan telefon bimbit pelajar. Menurut Danielle M. Law, et. al (2012), dalam kajiannya mendapati kaedah buli yang kerap digunakan adalah menggunakan kata-kata yang kejam melalui pesanan, memuat naik gambar dan video sebagai medium buli di alam siber. Ia turut disokong dengan kajian yang dilakukan oleh K. Smith, et. al (2008), yang menyatakan bahawa penyebaran gambar dan video klip antara medium yang kerap digunakan untuk jenayah buli di alam siber.

Selain itu, satu organisasi bebas iaitu *Sosial Networking Fact Sheet* (2014), menjalankan kajian dan mendapati bahawa 89% remaja (18-29 tahun) menggunakan laman jaringan sosial

merupakan peratus tertinggi berbanding peringkat umur lain. Laman web ini juga menyatakan 5 media sosial yang digunakan remaja ialah *Facebook*(71%), *Twitter*(23%), *Instagram*(26%), *Pinterest*(28%) dan *LinkedIn*(28%). Hal ini berlaku kerana aspek '*anonymous identity*'. Cassidy, Jackson, & N.Brown (2009) menyatakan bahawa evolusi medan elektronik membuatkan remaja menghabiskan sebahagian masa mereka dalam alam siber. Alam siber membolehkan bahasa diubah dan diadaptasi kepada '*net-speak*', identiti boleh disembunyikan dan personaliti boleh diubah, serta remaja tidak mempunyai had untuk berinteraksi dan memainkan peranan pilihan mereka di dunia siber. Pelbagai medium jaringan sosial yang mudah didapati dan banyak digunakan kini. Ada yang berorientasikan gambar seperti *Instagram*, mengespos mesej ringkas seperti *Twitter*, dan media sosial pelbagai guna (memuat naik gambar, '*instant message*', '*post*' status, *etc*) seperti *Facebook*.

Fenomena buli siber memberi kesan yang sangat negatif kepada mangsa terutamanya dari sudut psikologi. Ia mempengaruhi emosi mangsa buli hingga menyebabkan mangsa mengalami kesedihan, kemurungan, ketakutan dan kemarahan. Hal ini dibuktikan dengan kajian yang dibuat oleh Dianne L. Hoff & Sidney N. Mitchell (2008) yang menunjukkan bahawa kemarahan mencatat peratusan yang paling tinggi dan diikuti oleh kemurungan, kesedihan dan ketakutan. Mangsa yang mempunyai tahap kemarahan yang tinggi akan mendorong dirinya berubah menjadi lebih mementingkan diri, mengancam dan mula menyebarkan khabar angin yang jahat. Ini menunjukkan bahawa buli siber sangat memberi kesan yang negatif terhadap pelajar, (Mason, 2008) dan masyarakat dengan niat dan objektif untuk menghasut orang lain untuk memudaratkan mangsa. Hal ini selari dengan dapatan S. Healy and F. Lynch (2013) yang mendapati bahawa buli siber sangat memberi kesan kepada keseluruhan emosi mangsa buli yang merangkumi perasaan, selera makan, tahap tenaga, tidur serta mempengaruhi prestasi akademik mangsa. Ikuko Aoyama, et. al (2010), juga mendapati bahawa buli siber memberi kesan negatif kepada emosi mangsa hingga mengakibatkan mangsa mengalami kesedihan, kemurungan, ketakutan dan ketidakupayaan dalam menangani jenayah buli siber. Jika masalah ini tidak diberi perhatian dan diatasi dengan sebaiknya ia berkemungkinan akan menyebabkan mangsa mengambil tindakan yang tidak sewajarnya seperti membunuh diri. Hal ini dikuatkan dengan kajian yang dilakukan oleh Sameer Hinduja and Justin W. Patchin (2010), yang mana beliau mendapati bahawa mangsa

buli siber dua kali ganda berkemungkinan memilih untuk membunuh diri berbanding dengan remaja yang tidak pernah mengalami pembulian siber.

Kebanyakan mereka yang terlibat secara serius dengan kejadian buli siber sehingga memilih untuk membunuh diri adalah dari kalangan kaum perempuan. Menurut kajian yang dijalankan oleh Goebert, et. al (2010) pula mendapati 54 peratus perempuan paling terkesan dengan kebimbangan mental dan cubaan bunuh diri berbanding lelaki. Ia jelas menunjukkan penglibatan buli siber lebih memberi kesan negatif kepada remaja perempuan dengan 61.3 peratus berbanding lelaki sebanyak 38.7 peratus (Ikuko Aoyama, 2010). Ia turut disokong oleh kajian Danielle M. Law, et. al (2012), yang mendapati 62 peratus perempuan di antara umur 11 dan 18 tahun tidak mengaku dirinya terlibat sebagai pelaku buli atau mangsa namun mereka cenderung untuk terlibat dengan aktiviti buli siber yang tertentu secara spesifik. Ia menunjukkan bahawa mereka cenderung untuk terlibat dengan buli siber namun tidak mendefinisikan tindakan mereka sebagai buli siber. Berbeza pula dengan kajian oleh Li (2006) mendapati peratus lelaki lebih tinggi terlibat dengan buli siber iaitu sebanyak 58 peratus, yang bertindak sebagai pembuli manakala peratus yang menjadi mangsa buli siber lebih kurang sama antara kedua jantina.

Dengan itu, bagi mengenalpasti fenomena jenayah buli siber yang mengganggu kesihatan masyarakat terutamanya penglibatan golongan muda, satu tinjauan berkaitan fenomena ini perlu dikenalpasti bagi mendapatkan maklumat untuk mengubati gejala yang semakin menular ini.

## **Pernyataan Masalah**

Ledakan teknologi elektronik dan perkembangan media sosial di alam siber memberi kesan positif, malah ia juga memberi kesan yang negatif kepada pengguna terutamanya golongan pelajar di universiti. Oleh yang demikian satu kajian tinjauan dijalankan bagi mengenalpasti medium buli siber popular yang digunakan, mengenalpasti hubungan antara pengalaman buli siber dan kesannya terhadap emosi, serta mendapatkan perbandingan antara jantina dengan penglibatan peribadi dalam buli siber dalam kalangan mahasiswa. Memandangkan kurangnya kajian berkaitan buli siber di Malaysia, maka kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti sesetengah isu berkaitan fenomena ini. Kajian ini, memberi pendedahan tentang jenayah buli siber dan kesan buli siber kepada mahasiswa dan persepsi masyarakat terhadap mahasiswa.

Sehubungan dengan itu, kajian ini adalah untuk meninjau fenomena jenayah buli siber yang berlaku di kalangan mahasiswa Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional( JPTK ) Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Secara khususnya, kajian ini dijalankan adalah untuk:

- i. Menenalpasti medium buli siber yang popular dalam kalangan mahasiswa.
- ii. Menenalpasti hubungan antara pengalaman buli siber dan emosi di kalangan mahasiswa.
- iii. Mendapatkan perbandingan antara jantina dengan penglibatan peribadi dalam buli siber dalam kalangan mahasiswa.

## METHODOLOGI KAJIAN

Dalam kajian ini, kaedah kuantitatif digunakan. Kaedah ini dijalankan secara kajian tinjauan dan set soalan kaji selidik yang mengandungi 30 soalan diberi kepada responden. Sampel penuh ( N = 106) dibuat kerana bilangan siswa yang terlibat tidak ramai dan soal selidik kajian boleh ditadbir dengan berkesan. Siswa tahun empat JPTK yang mengambil kursus Ijazah Sarjana Muda serta Pendidikan (Binaan Bangunan, Kejuruteraan Mekanikal, Kemahiran Hidup dan Elektrik & Elektronik) Universiti Teknologi Malaysia di pilih sebagai sampel kajian. Tujuan pemilihan ini kerana kelompok siswa adalah bakal guru yang akan berhadapan dengan remaja kelak. Soalan yang dipilih merupakan soalan yang diubahsuai dari set soalan Daphne yang mengkaji dari sudut emosi dan set soalan dari Imperial College London yang mengkaji dari sudut pengalaman dan penglibatan.

Soalan dibahagi kepada lima seksyen :

**a) Maklumat demografi**

Soalan ditanya mengenai jantina, lokasi tempat tinggal dan teknologi siber yang dimiliki.

**b) Penglibatan responden dalam buli siber.**

Soalan dari seksyen ini mengenalpasti medium buli siber yang digunakan oleh orang yang dikenali responden untuk membuli pelajar lain, medium yang digunakan oleh orang lain untuk membuli responden kajian dan medium yang digunakan responden untuk membuli orang lain. Pilihan jawapan bagi medium yang digunakan adalah : tidak pernah dibuli , *email, facebook, twitter, SMS, dan whatApps.*

**c) Pengalaman responden.**

Lima soalan ditanya tentang pengalaman responden menerima pesanan yang mengganggu fikiran, menerima pesanan memburukkan peribadi, menerima pesanan yang menyebarkan berita palsu, orang lain menyamar menjadi diri responden dan orang lain menyebarkan rahsia peribadi responden melalui teknologi siber. Pilihan jawapan yang diberi adalah : tidak pernah, pernah, 1 kali, pernah 2 kali, pernah 3 kali dan pernah lebih dari 3 kali.



**d) Kesan emosi responden selepas dibuli.**

Lima soalan ditanya dalam bentuk skala likert iaitu perasaan responden selepas dibuli , apa yang saya lakukan semuanya salah, saya sentiasa rasa resah, saya rasa sunyi, saya benci diri sendiri dan sukar untuk saya fokus dan fikir secara teliti. Pilihan jawapan dalam skala likert adalah sangat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju dan sangat setuju.

Tiga soalan ditanya bagi mendapat maklumat tentang kesedaran responden tentang bahaya buli siber. Pilihan jawapan di beri adalah ya atau tidak. Dua soalan di tanya mengenai pandangan responden tentang buli siber yang mana responden ditanya adalah mereka merasakan bahawa buli siber merupakan perkara serius di kalangan pelajar universiti dan adakah mereka merasakan perlunya ada kempen untuk mencegah buli siber dan pilihan jawapan adalah dalam bentuk skala likert.

**DAPATAN DAN PERBINCANGAN.**

**Mengenalpasti medium buli siber yang paling popular.**

Perisian SPSS Versi 16 digunakan untuk membuat analisa dapatan kajian. Cross tab multiple response digunakan dalam mengkaji aspek ini kerana responden boleh memilih beberapa pilihan jawapan yang diberi. Dalam jadual 1 jelas menunjukkan medium yang paling popular bagi ketiga-tiga soalan yang diberi adalah *Facebook* dengan peratusan sebanyak 78.8% , 51.5% dan 36.4 % masing – masing. Medium yang paling tidak popular digunakan oleh pelajar sebagai medium buli siber pelajar lain adalah *Email* (12.1%), manakala responden memilih *Twitter* sebagai medium yang paling kurang popular digunakan oleh pembuli untuk membuli responden (6.1% ) dan medium yang digunakan oleh responden untuk membuli rakan lain.(5.1% ). Kesimpulan dari dapatan ini menunjukkan *Facebook* adalah medium yang paling berpengaruh dalam dunia siber responden dan remaja masa kini. Pengaruh dari *Facebook* melebihi pengaruh *WhatsApp* yang merupakan medium kedua paling popular bagi ketiga-tiga soalan. *Email* merupakan medium yang kurang popular bagi soalan medium yang digunakan pelajar untuk membuli siber pelajar lain. Ini kemungkinan *Email* adalah jaringan sosial yang tidak begitu popular di kalangan siswa memadamkan kewujudan *Facebook* dn *WhatsApp* yang lebih mudah diakses melalui telefon pintar.

		Responses		Percent of Cases
		N	Percent	
Medium yang digunakan pelajar untuk membuli pelajar lain	email	12	3.2%	12.1%
	Facebook	78	20.7%	78.8%
	twitter	26	6.9%	26.3%
	sms	22	5.8%	22.2%
	whatsApp	37	9.8%	37.4%
Medium yang digunakan pelajar lain untuk membuli responded	email	10	2.7%	10.1%
	facebook	51	13.5%	51.5%
	twitter	6	1.6%	6.1%
	sms	18	4.8%	18.2%
	whatsApp	38	10.1%	38.4%
Medium yang digunakan responden untuk membuli pelajar lain	email	5	1.3%	5.1%
	facebook	36	9.5%	36.4%
	twitter	1	.3%	1.0%
	sms	8	2.1%	8.1%
	whatsApp	29	7.7%	29.3%
Total		377	100.0%	380.8%

a. Dichotomy group tabulated at value 1.

### **Mengenal pasti hubungan antara pengalaman buli siber dan kesan terhadap emosi**

Hubungan antara pengalaman dan emosi di analisa menggunakan Pearson di tunjukkan dalam jadual 2 . Magnitud korelasi bagi semua hubungan antara pengalaman ( P ) dan emosi ( E ) adalah positif. Ini menunjukkan apabila pengalaman dibuli itu bertambah maka kesan kepada emosi akan bertambah.

Korelasi Pearson bagi P2 ( menerima mesej memburukkan peribadi) vs E1 (rasa salah dalam semua perkara), P2 vs E3 (rasa sunyi ) dan P2 vs E5 ( sukar fokus ) menunjukkan nilai  $p < 0.05$ , maka terdapat nilai signifikan antara hubungan-hubungan ini.

Hubungan antara P3 ( menerima mesej menyebarkan berita palsu) vs E2 ( rasa resah), P3 vs E4 ( benci pada diri) dan P3 vs E5 ( sukar fokus ) menunjukkan nilai  $p < 0.05$  maka terdapat nilai signifikan bagi hubungan-hubungan ini.

Hubungan antara P5 ( orang lain menyebarkan rahsia peribadi saya melalui siber ) vs E3( rasa sunyi) menunjukkan  $p < 0.05$ , maka terdapat nilai signifikan bagi hubungan ini.

Dari dapatan P2 di atas jelas menunjukkan mesej memburukkan peribadi memberi kesan yang lebih dalam kepada emosi responden. Nilai peribadi merupakan reputasi yang perlu dijaga dalam kehidupan sosial pelajar kerana dengan nilai peribadi yang buruk, pelajar akan tersisih dari jaringan sosial kampus.

Dapatan bagi P3 membuktikan fitnah memberi kesan kepada emosi responden walaupun responden mengetahui bahawa berita yang di sebarkan adalah fitnah semata-mata. Ini menunjukkan persepsi rakan sebaya penting untuk pelajar membina emosi yang positif.

Dapatan P5 tidak begitu ketara kerana responden mungkin tidak begitu berkongsi rahsia peribadi dengan rakan yang lain.

Bagi P1 ( pesanan menyebabkan bimbang tentang keselamatan ) dan P4 ( orang lain menyamar menjadi saya) tidak menunjukkan nilai signifikan. Dapatan ini menunjukkan bahawa responden tidak mempunyai pengalaman yang buruk dalam perkara ini.

		Correlationse				
		E1	E2	E3	E4	E5
<i>Pesanan menyebabkan bimbang tentang keselamatan</i> ( P1)	Pearson Correlation	.159	.164	.121	.161	.062
	Sig. (2-tailed)	.104	.093	.218	.100	.526
	N	106	106	106	106	106
<i>Menerima mesej yang memburukkan peribadi</i> ( P)	Pearson Correlation	.331**	.138	.201*	.127	.162
	Sig. (2-tailed)	.001	.160	.038	.193	.098
	N	106	106	106	106	106
<i>Menerima mesej menyebarkan berita palsu</i> (P3)	Pearson Correlation	.234*	.253**	.132	.253**	.223*
	Sig. (2-tailed)	.016	.009	.177	.009	.022
	N	106	106	106	106	106
<i>Orang lain menyamar menjadi saya di dunia siber</i> ( P4)	Pearson Correlation	.111	.168	.136	.142	.050
	Sig. (2-tailed)	.256	.085	.165	.147	.608
	N	106	106	106	106	106
<i>Orang lain menyebarkan rahsia peribadi saya melalui siber</i> ( P5)	Pearson Correlation	.180	.180	.193*	.188	.178
	Sig. (2-tailed)	.064	.064	.047	.054	.068
	N	106	106	106	106	106

Jadual 2

petunjuk : E1 – rasa salah dalam semua perkara      E2 – rasa resah  
 E3 – rasa sunyi      E4 – rasa benci pada diri sendiri      E5 – sukar fokus

### Mendapatkan perbandingan antara jantina dengan penglibatan peribadi.

Bagi mendapatkan perbandingan ini, analisa Mann Whitney U test digunakan untuk membuat perbandingan antara jantina dengan penglibatan peribadi. Jadual 3 menunjukkan perbandingan responden lelaki ( N = 37 ) dan responden perempuan (N=69) bagi soalan untuk melihat penglibatan responden dalam pergaduhan siber dan penglibatan responden dalam pengalaman di buli sibe. Mean rank bagi responden lelaki untuk soalan pernahkan anda bergaduh lebih tinggi dari responden perempuan tetapi bagi soalan berikutnya mean rank responden perempuan lebih tinggi dari lelaki. Sig ( 2 tailed) dalam jadual 4 bagi kedua dua soalan menunjukkan  $p > 0.05$ , maka tiada significant bagi kedua dua jantina.

Ranks

jantina		N	Mean Rank	Sum of Ranks
Pernahkan anda bergaduh	lelaki	37	54.96	2033.50
	perempuan	69	52.72	3637.50
	Total	106		
Bilakah kali terakhir ada di buli siber	lelaki	37	50.80	1879.50
	perempuan	69	54.95	3791.50
	Total	106		

Jadual 3

**Test Statistics<sup>a</sup>**

	penglibatan4	penglibatan5
Mann-Whitney U	1222.500	1176.500
Wilcoxon W	3637.500	1879.500
Z	-.378	-.704
Asymp. Sig. (2-tailed)	.706	.482

Jadual 4

## **KESIMPULAN.**

Hasil dapatan kajian jelas menunjukkan bahawa buli siber berlaku di kalangan pelajar universiti di Malaysia. Jaringan sosial masa kini telah berubah dengan teknologi menjadi medium komunikasi. 89.6% dari responden mengaku memiliki komputer riba dan 78.3% memiliki telefon pintar. Kemudahan ini membuka ruang komunikasi tanpa sempadan dan sembang maya boleh

dilakukan dimana-mana sahaja dan akses internet boleh diperolehi hampir setiap tempat di Malaysia. Kemajuan teknologi ini datang bersama impak negatif. Imej boleh dihantar tanpa perlu bertanggungjawab, ugutan boleh dibuat oleh orang yang tidak dikenali dan perkataan yang mengguris perasaan mudah dihantar kepada mangsa. Kesukaran membendung gejala ini menyebabkan pembuli siber bebas melakukan kegiatan mereka dan mangsa buli berterusan terdedah dengan angkara mereka.

Sebanyak 17.9% responden mengaku menghabiskan masa lebih dari 8 jam sehari melayari internet. Masa yang panjang di alam siber mendedahkan mereka kepada pembulian alaf baru ini. Semakin banyak masa yang dihabiskan dalam dunia siber, semakin banyak kehidupan peribadi siswa terdedah kepada dunia tanpa sempadan ini. Maklumat bersifat peribadi mudah di kongsi dan pihak yang tidak bertanggungjawab akan mengambil kesempatan dari kenafian siswa mencungkil maklumat peribadi siswa ketika berbual di alam siber.

Responden bersetuju perlunya kempen cegah buli siber dengan 67.9% member jawapan sangat bersetuju dan bersetuju. Ini menunjukkan responden menyedari kewujudan kegiatan buli siber di kalangan siswa. 26.4% responden mengaku mengenali seseorang yang murung akibat buli siber yang menunjukkan kegiatan ini berlaku dalam lingkungan sosial responden. Kemurungan yang berpanjangan akan menjejaskan kualiti hidup dan pencapaian akademik siswa.

Kes bunuh diri akibat buli siber belum pernah menjadi tajuk laporan akhbar di Malaysia walaupun isu ini menjadi satu isu besar di negara barat. Kelewatan pihak berkuasa di sana menanganis isu ini telah menyebabkan fenomena buli siber menjadi pengalaman ngeri ramai pelajar samada di peringkat sekolah mahupun di peringkat universiti. Penyelidik merasakan jika kajian ini dibuat dengan responden dari murid sekolah menengah, kajian akan memberikan data yang mengejutkan kerana data yang diperolehi penyelidik di peringkat university ini sendiri di luar jangkaan.

Sudah sampai masanya fenomena buli siber ini tidak lagi di anggap sebagai kes terpencil dan pihak berkenaan perlu menerima hakikat bahawa buli siber ini adalah kesan sampingan dari ledakan teknologi yang perlu ditangani secara serius.

## **Rujukan**

- Cassidy, W., Jackson, M., & N. Brown, K. (2009). Sticks and stones can break my bones, but how can pixels hurt me? : Students' experiences with cyber bullying. *School Psychology International*, 383-402.
- Goebert, D., Else, I., Matsu, C., Chung-Do, J., & Y. Chang, J. (2010). The impact of cyberbullying on substance use and mental health in a multiethnic sample. *Matern Child Health J*, 1282-1286.
- Hoff, D.L & Mitchell, S.N. Cyberbullying: causes, effects, and remedies. *Journal of Educational Administration* Vol. 47 No. 5, 2009 pp. 652-665
- K. Smith, P., Nahdavi, J., Carvalh, M., Fisher, S., Russell, S., & Tippett, N. (2008). Cyber-bullying : its nature and impact in secondary school pupils. *Journal of child psychology and psychiatry*, 376-385.
- Kowalski, R.M., Limber, S.P ( 2007), Electronic bullying among middle school student, *Journal of Adolescent Health*, S22-SS30
- Li, Q. (2006). Cyberbullying in schools : A research of gender differences. *School Psychology International*, 157-170.
- Mason, K.L (2008). Cyberbullying : a preliminary assesment for school personel, *Psychology in the school*, Vol 45 (4). DOI : 10.1002/pits.20301
- McKenna, K.Y.A & Barg, J.A (1999). Cause and consequences of social interaction on the internet: A conceptual framework. *Media Psychology*, 249 - 270
- Sosial Networking Fact Sheet*. (2014, January). Retrieved May 13, 2015, from Pew Research Center Internet, Science and Tech: <http://www.pewinternet.org/fact-sheets/sosial-networking-fact-sheet/>
- Shariff, S. (2008). *Cyber-Bullying : Issues and solutions for the school, the classroom, and the home. USA and Canada: routledge.*
- Six Unforgettable CyberBullying Cases*. (2014, November 30). Retrieved May 13, 2015, from NoBullying.com: <http://nobullying.com/six-unforgettable-cyber-bullying-cases/>
- William, N.E ( 2007). Cyberbullying and cyberthreats : responding to the challenge of online social aggrssion, threat and distress
- Ybarra, M.L, Mitchell, K.J (2004), Online aggressor/targets, aggressors, and targets: a comparison of associated youth characteristics. *Journal of Child Psychology and Psychiatry* 45:7 (2004), pp 1308–1316
- YB Datuk Dr. Abu Bakar CYBER999 (2014), *Cybersecurity Malaysia Lancar Buku Panduan Tangani Insiden Buli Siber.*
- <http://www.astroawani.com/sebelum-2015/kes-buli-siber-meningkat-komuniti-media-sosial-belum-matang-50646>. 12.5.2015 10.52 pm



Sources: Un Data Accessed Nov 2011; Internet World Stats Accessed Nov 2011;\_ Latest Site-Reported Figures As At Nov 2011; Operator-Reported Figures As Cited On Wikipedia, Accessed Nov 2011\_

<http://blog.malaysia-asia.my/2013/09/malaysia-sosial-media-statistiks.html>

## Correlationse

		P1	P2	P3	P4	P5	E1	E2	E3
<i>Pesanan menyebabkan bimbang tentang keselamatan</i> ( P1)	Pearson Correlation	1	.265**	.293**	.188	.408**	.159	.164	
	Sig. (2-tailed)		.006	.002	.054	.000	.104	.093	
	N	106	106	106	106	106	106	106	
<i>Menerima mesej yang memburukkan peribadi</i> ( P)	Pearson Correlation	.265**	1	.396**	.169	.228*	.331**	.138	
	Sig. (2-tailed)	.006		.000	.083	.019	.001	.160	
	N	106	106	106	106	106	106	106	
Menerima mesej menyebarkan berita palsu (P3)	Pearson Correlation	.293**	.396**	1	.193	.458**	.234*	.253**	
	Sig. (2-tailed)	.002	.000		.048	.000	.016	.009	
	N	106	106	106	106	106	106	106	
Orang lain menyamar menjadi saya di dunia siber ( P4)	Pearson Correlation	.188	.169	.193*	1	.256**	.111	.168	
	Sig. (2-tailed)	.054	.083	.048		.008	.256	.085	
	N	106	106	106	106	106	106	106	
Orang lain menyebarkan rahsia peribadi saya melalu siber ( P5)	Pearson Correlation	.408**	.228*	.458**	.256**	1	.180	.180	
	Sig. (2-tailed)	.000	.019	.000	.008		.064	.064	
	N	106	106	106	106	106	106	106	
Rasa salah dalam semua perkara E1	Pearson Correlation	.159	.331**	.234*	.111	.180	1	.734**	
	Sig. (2-tailed)	.104	.001	.016	.256	.064		.000	
	N	106	106	106	106	106	106	106	
Resah E2	Pearson Correlation	.164	.138	.253**	.168	.180	.734**	1	
	Sig. (2-tailed)	.093	.160	.009	.085	.064	.000		
	N	106	106	106	106	106	106	106	
Sunyi E3	Pearson Correlation	.121	.201*	.132	.136	.193*	.716**	.799**	
	Sig. (2-tailed)	.218	.038	.177	.165	.047	.000	.000	
	N	106	106	106	106	106	106	106	
Benci pada diri E4	Pearson Correlation	.161	.127	.253**	.142	.188	.539**	.660**	
	Sig. (2-tailed)	.100	.193	.009	.147	.054	.000	.000	
	N	106	106	106	106	106	106	106	
Sukar foku E5	Pearson Correlation	.062	.162	.223*	.050	.178	.562**	.740**	
	Sig. (2-tailed)	.526	.098	.022	.608	.068	.000	.000	
	N	106	106	106	106	106	106	106	

\*\* . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

\* . Correlation is significant at the 0.05 level (2-tailed).



